

**PKR: Kemenangan KJ tidak melambangkan pemikiran progresif Umno**  
**Malaysian Insider**  
**Oct 14 , 2013**  
**OLEH MD IZWAN**

Kemenangan Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebagai Ketua Pemuda Umno bagi penggal kedua adalah sama seperti pemimpin lain dalam parti Melayu tersebut yang mengamalkan politik konservatif, kata pemimpin PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad (gambar).

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Setia itu menganggap pengakuan Khairy kononnya kumpulan progresif telah menewaskan konservatif dalam pemilihan sayap Umno kali ini adalah terpesong sama sekali.

"Kemenangan Khairy tidak melambangkan kemenangan pemikiran progresif dalam Umno," kata Nik Nazmi, yang juga timbalan speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor tersebut dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Nik Nazmi, agenda progresif yang dibawa oleh Khairy hanya indah khabar daripada rupa, sekadar berdiam diri tatkala pemimpin dalam Umno lain sibuk menggunakan isu perkauman berkempen dalam pemilihan kali ini.

"Ketika Zahid Hamidi memainkan sentimen kaum ketika berbicara mengenai jenayah dan gangsterisme, dan menyokong dasar tembak untuk membunuh bagi polis, mengapa Khairy tidak mengkritik Zahid?"

"Apabila calon Naib Presiden Umno dan pengganti Khairy sebagai Pengerusi PUNB Ali Rustam membuat kenyataan perkauman terhadap masyarakat Cina, di manakah Khairy?" soal Nik Nazmi lagi merujuk kepada Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Katanya, keterbukaan dan imej sederhana yang ditonjolkan oleh Khairy hanya dilihat selepas pilihan raya umum 2008 ketika Umno ditolak oleh masyarakat Cina dan India ketika itu sehingga berlaku apa yang dikatakan "Tsunami Politik".

"Rakyat juga tidak akan mudah melupakan peranan yang dimainkannya di belakang bekas perdana menteri yang juga bapa mertuanya Tun Abdullah Ahmad Badawi, disamping skandal penyelewengan wang ketika itu.

"Beliau terlibat di dalam skandal ECM Libra, dan bukan sekadar mempertahankan nada perkauman ketika itu, tetapi terbabit di dalam insiden menghunus keris Pemuda Umno," katanya.

Khairy pada tahun 2006 lalu mencetuskan kontroversi dan kritikan apabila senada dengan Ketua Pemuda Umno pada ketika itu Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang bertindak menghunus keris pada perhimpunan agung Pemuda Umno sehinggalah kemudiannya terpaksa meminta maaf kepada masyarakat Cina.

Khairy juga dikaitkan dengan penggabungan ECM Libra dengan syarikat milik MOF Incorporated, Avenue Capital apabila menimbulkan tanda tanya pelbagai pihak apabila ECM Libra membeli Avenue Capital dengan harga yang murah hanya beberapa bulan selepas menantu Abdullah itu membeli saham ECM Libra.

Khairy mempertahankan jawatannya selepas mendapat 97 undi daripada 191 bahagian yang mengambil bahagian.

Khairy ketika ditemui media selepas kemenagannya berkata, agenda progresif dan liberal yang dibawanya disokong di peringkat akar umbi serta menunjukkan pihak lawannya menggunakan agenda yang regresif.

Katanya, agenda progresif seharusnya bermula dengan belia yang akan membawa parti terus maju ke hadapan sambil menegaskan keputusan rasmi belum dikeluarkan dan kemenangan tidak boleh diambil mudah.

"Jika saya mahu menang dengan selesa, saya boleh menggunakan formula sayap kanan. Saya mahu menunjukkan bahawa anda boleh menjadi progresif dan menang dalam Umno. "Kita perlu memulakannya. Kita mesti berfikiran ke hadapan," katanya.

Empat pencabar Khairy bagaimanapun tidak memperoleh sebarang undi, antaranya adalah Ketua Pemuda Cawangan Bendang Baru, Akhramsyah Sanusi; Penolong Setiausaha Pemuda Pusat Bandar Taman Chempaka, Syed Rosli Syed Harman Jamallulail; Bekas Ketua Pemuda Umno Merbok, Abd Karim Ali dan Ketua Pemuda Umno Bukit Setiawangsa, Irwan Ambak Khalid Izhar. - 14 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-kemenangan-kj-tidak-melambangkan-pemikiran-progresif-umno>